

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10 / 12 / 2007

# Abdullah: Tak payah melobi

um-10/12/2007

Oleh YULPISMAN ASLI

**SUBANG** 9 Dis. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mendedahkan, ada wakil rakyat yang telah melobi untuk terus menjadi calon pilihan raya umum ke-12 sejak dua bulan lalu.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menasihatkan semua wakil rakyat supaya tidak melobi untuk dipilih sebagai calon.

“Orang dah mula dah (melobi), dua bulan dulu dah lobi dah,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri Kejohanan Golf Amal MasterCard ntv7 Platinum Golf Master 2007 di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan melobi di kalangan wakil rakyat untuk dipilih semula menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang.

Dalam reaksi beliau, Perdana Menteri sebaliknya menasihatkan mereka: “Tak payah lobilah.”

Ketika bercakap kepada pemberita semasa lawatan beliau ke Terengganu pada 18 November lalu, Abdullah mengakui, terdapat wakil rakyat Barisan Nasional (BN) tidak menunjukkan prestasi yang baik walaupun mereka mempunyai masa panjang sebelum pilihan raya umum untuk melaksanakan tugas masing-masing.

Mengenai golongan itu, Perdana Menteri pada sidang media tersebut menegaskan, nasib mereka akan ditentukan menjelang pilihan raya dan mereka perlu bersedia menerima realiti jika tidak dipilih semula sebagai calon.

“Ada (wakil rakyat) yang menjalankan kerja dengan baik, jadi wakil rakyat yang baik (tetapi) ada juga yang lemah,” katanya.

Dalam pada itu, kejohanan golf amal tersebut berjaya mengumpul RM500,000 sumbangan daripada pelbagai pihak.

Sumbangan terbesar datang daripada Tabung *Bersamamu* TV3 sebanyak



**ABDULLAH** Ahmad Badawi menyampaikan replika cek RM500,000 kepada Pengerusi Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Kepala Batas, Azman Ahmad (dua dari kanan) pada Kejohanan Golf Amal MasterCard ntv7 Platinum Golf Master 2007 di Subang, semalam.

— Gambar HALIM KHALID

RM300,000 dan Kumpulan Wahba bersama Carbon Capitol Corporation sebanyak RM150,000.

Kejohanan itu juga menyaksikan, tali leher batik milik Perdana Menteri dan beg golf dengan tandatangan beliau dijual masing-masing RM5,000 dalam satu majlis lelongan.

Semua sumbangan akan disalurkan ke-

pada Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Kepala Batas dan Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Seberang Prai Tengah.

Sementara itu, Abdullah berkata, kedudukan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Tan Sri Ab. Rashid Ab. Rahman yang dijadualkan bersara pada 31 Disember ini, akan ditentukan selepas pindaan

ke atas Perlembagaan Persekutuan dilakukan.

Menurut beliau, pindaan itu bagi membolehkan umur persaraan Pengerusi SPR disamakan dengan seorang hakim.

Katanya, dalam hal ini kerajaan mempunyai pilihan sama ada untuk melanjutkan tempoh persaraan Ab. Rashid atau sebaliknya.

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
PUSAT  
KEMAMPUAN  
PERDANA